

Dato' Norsiah Abdullah merasmikan Logo PIBG SK Pekan Satu di Karnival 111 PIBK 2018



Labuan : Isteri Bapa Angkat Korporat Sekolah Kebangsaan Pekan Satu Dato' Norsiah Abdullah telah melancarkan Logo Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) sekolah semasa Karnival 111 PIBK SK Pekan Satu 2018 pada 06 Mei 2018 (Ahad). Beliau yang juga merupakan Pengarah Operasi Labuan Liberty Port Management (LLPM) Sdn Bhd turut melancarkan Skwad Patrol Denggi Fasa II.

Kedua-dua pelancaran itu diadakan sempena Karnival 111 PIBK yang melibatkan Ibu Bapa dan Komuniti , Kumpulan Sokongan Iubapa (KSIB) SKPS di Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan ,Tanjung Purun pada 4- 6 Mei lalu.

Karnival 111 PIBK merupakan program yang dirancang khas untuk mengumpulkan dana bagi mengisi tabung sekolah . Hasil kewangan yang diperolehi dari program ini akan digunakan untuk menampung keperluan sekolah dari segi akademik,ko-akademik dan penyenggaraan fizikal sekolah khususnya Pusat Sumber, Bilik Kesenian dan kantin sekolah . Disamping meningkatkan tahap komitmen PIBG untuk membantu pihak sekolah , ia juga selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, anjakan ke-sembilan iaitu berkerjasama dengan ibubapa ,komuniti dan sektor swasta secara meluas



Hal ini memberi peluang kepada warga PIBG dan PIBK diseluruh SKPS untuk berkerjasama menjayakan majlis tersebut .

Turut diadakan Pertandingan Mewarna ,Pertandingan Bercerita , Pidato , Public Speaking , Masakan dan Voice of 111 Contest (Pertandingan Menyanyi) yang terbuka

bukan sahaja untuk murid-murid SKPS dan ibubapa malah , kepada orang awam yang berminat. Selain itu , forum agama bertajuk 'Penggerak Insan Bestari Gemilang' disampaikan oleh En Mamduh Zakaria dan ceramah kesihatan oleh Jabatan Kesihatan Labuan .

Turut hadir , Pengarah Jabatan Pendidikan WP Labuan Tuan Raisin bin Saidin Ketua Unit Pendidikan Swasta ,Jabatan Pendidikan Labuan Pn Zaliha Mohd Salleh, Guru Besar SKPS Pn Anita Shyamini S. Azman dan Yang Dipertua PIBG SK Pekan Satu Pn Mamduh Zakaria yang juga penyelaras program.

Hadir sama ,Penolong Kanan Pentadbiran En Shawal Abdul Rahman (HEM), Pn Noorlihan Abd Alip (HEM), Pn Zailianan Zainul (PK-Ko), Pn Basneh Jamilide (PK Pendidikan Khas) serta Pn Shamila Devi Krishnan (Setiausaha PIBG).

Pn Anita mengucapkan terima kasih atas kesudian dan kehadiran Norsiah melancarkan logo baharu PIBG SK Pekan Satu itu .

Terima kasih juga saya ucapkan kepada PIBG ,guru-guru dan ibu bapa yang sanggup meluangkan masa dalam menjayakan majlis ini .Saya berharap komitmen dan kerjasama semua pihak dapat diteruskan untuk manfaat SK Pekan Satu secara keseluruhannya , katanya .

Tuan Raisin turut menyatakan harapan beliau yang berkaitan dengan PIBG SKPS didalam ucapan beliau .

Harapan saya agar Karnival 111 PIBK SK Pekan Satu disambut dengan meriah bukan sahaja untuk tahun 2018 malah tahun-tahun yang berikutnya .Selain itu , mampu melahirkan rapor yang positif dan meningkatkan ikatan permuafakatan ,kesedaran dan komitmen dari kepimpinan tertinggi PIBG sehingga ke peringkat akar umbi agar dapat membantu melancarkan semua aktiviti yang

dilaksanakan di sekolah.



SKPS truly number 1 !
Labuan Hebat Guru Sayang Muridnya
Kemenjadian dan kecemerlangan murid bermula disini.